

# Ratu

BERITA HARIAN

Rentak Aliran Terkini Untukmu

R1

Khamis  
24 Mei 2012

# TRAUMA ekzema



Penyakit kulit tidak diketahui ramai ini tinggalkan tekanan emosi kepada penghidap dewasa dan kanak-kanak

► Oleh Nor Affizar Ibrahim  
[affizar@bharian.com.my](mailto:affizar@bharian.com.my)

A menyebabkan kulit berasa amat gatal, bintik-bintik atau gelembung kecil kemerah-merahan ketara pada muka, jari tangan kaki di celah-celah paha serta alat kelamin.

Malangnya, biarpun menyebabkan kegatalan dan rasa tidak selesa, tidak ramai yang menyedari masalah dikenali sebagai ekzema ini.

Katanya, penyakit ini boleh terjadi disebabkan oleh faktor dalaman seperti genetik, di samping kesan daripada keadaan luaran seperti persekitaran yang tercemar dan tidak bersih.

"Penyakit ini bukan disebabkan makanan tetapi terjadi di antara pesakit itu dengan faktor dalaman dan persekitaran. Malah, ada pesakit

BIA 24/5/12

MS 12

## Gairah Rak Rak


Pakar Perunding Dermatologi dari Jabatan Dermatologi Kuala Lumpur Hospital, Dr Suganthi Thevarajah, berkata berita baik mengenai ekzema ialah ia tidak boleh membawa kematian tetapi yang pasti, boleh menjejaskan kualiti kehidupan.

Dr Suganthi berkata, ekzema juga tidak boleh sembuh tetapi boleh dikawal. Namun, individu yang mengalami ekzema sering mengadu tidak dapat menahan kegatalan. Apabila ini berlaku, individu terbabit mula menggaru dan akhirnya menyebabkan kulit luka.

ekzema tidak boleh bertoleransi atau ada alahan dengan banyak benda seperti sabun, wangi, tekanan dan cuaca sama ada sejuk atau pun panas.

"Akibatnya, kulit berasa gatal dan dia mungkin berterusan menggaru dan menyebabkan ada virus atau kulat serta boleh membuatkan kulit luka. Selain itu seseorang yang ada asma juga berpotensi mendapat penyakit ini," katanya pada majlis anjuran LEO Pharma sempena ulang tahun ke-50 di ibu negara, baru-baru ini.

>> R2



# Tak boleh **sembuh** tapi mampu dikawal

<< R1

Dr Suganthi turut memberitahu, ada perbezaan penyakit ekzema iaitu atopik ekzema, *contact dermatitis*, *scalp dermatitis* dan ekzema kaki dan tangan. Di Malaysia risiko penghidap penyakit ekzema kepada kanak-kanak adalah paling ketara.

Berdasarkan kajian yang dilakukan, mendapati lebih 12 peratus kanak-kanak berusia tujuh tahun ke atas menghidap penyakit berkenaan.

"Satu kajian dilakukan oleh LEO Pharma kepada pesakit ekzema dan penjaga mereka di Malaysia mendapati 75 peratus pesakit pernah mendengar mengenai ekzema tetapi tidak pernah mengetahui dan hanya tahu sedikit maklumat penyakit itu sebelum mereka berjumpa pakar untuk mendapatkan rawatan.

"Sebanyak 15 peratus tidak pernah mendengar penyakit ini dan berjumpa dengan pakar untuk mendapatkan rawatan manakala 80 peratus penjaga pesakit ekzema pula

mempunyai sedikit maklumat dan tidak pernah mengetahui langsung mengenai penyakit itu," katanya.

Dr Suganthi berkata, hanya separuh daripada pesakit ini berjaya disembuhkan, tetapi sebahagiannya tidak dapat diubah, tetapi hanya boleh mengurangkan melalui pengambilan ubat dan penjagaan kesihatan dengan cara yang betul.



"Kebanyakan penghidap ekzema daripada kalangan orang dewasa dan kanak-kanak menghadapi tekanan dalam kehidupan seharian mereka dari aspek emosi, psikologi dan sosial. Tompokan merah pada kulit muka dan tangan menyebabkan mereka tidak yakin apabila berhadapan dengan orang ramai.

"Selain itu, kanak-kanak yang menghidap penyakit ini juga selalu dibuli dan diejek oleh rakan mereka menyebabkan berlaku trauma selain produktiviti kehidupan seharian tahap produktiviti di tempat kerja atau sekolah turun 26 peratus ketika berdepan tekanan ekzema," katanya.

Tambahnya lagi, malah ada yang berputus asa menangani masalah ekzema dihadapi dan menganggap mustahil untuk mengawalinya, di samping berasa dirinya berbeza dengan orang lain.

Dr Suganthi berkata, bagi menangani ekzema pesakit perlu dididik dan diberikan kaunseling mengenai

cara menjaga dan merawatnya. Antara langkah boleh diambil ialah mengenalpasti dan mengelakkan faktor yang boleh menyebabkan radang atau kegatalan.

Paling penting, mesti pastikan penjagaan kulit yang betul dan gunakan minyak pelembut (emolien) sekerap mungkin bagi mengelakkan kulit kering. Selain pelembap, penggunaan minyak pelembut juga boleh membantu melicin dan melegakan kulit kering, iritasi dan bengkak. Ini kerana ia menyediakan satu lapisan pada permukaan kulit yang akan mengurangkan kehilangan air dan menghentikan kulit daripada menjadi kering.

"Terapi antiradang yang sesuai perlu digunakan dan jika berlaku jangkitan, cepat buat rawatan menggunakan antibiotik. Rawatan dan penjagaan memerlukan kombinasi sterooid topikal dan antibiotik. Bagi jangkitan serius mungkin memerlukan individu itu mengambil oral antibiotik," jelasnya.



Terapi  
antiradang  
yang sesuai

perlu digunakan dan  
jika berlaku jangkitan,  
cepat buat rawatan  
menggunakan  
antibiotik"

**Dr Suganthi Thevarajah**  
Pakar Perunding  
Dermatologi